

KHAMIS, 7 FEBRUARI 2019



Sarawak

Sabah

Nasional

Dunia

Iban

Sukan

Ekonomi

Mahkamah

Rencana

[Halaman Utama](#) » [Sabah](#) » Taktik sembunyi syabu terbongkar

Taktik sembunyi syabu terbongkar

© 2019-02-07T20:52:13+08:00



BARANG kes disyaki syabu bernilai kira-kira RM500 dikesan disembunyi di dalam bekas kaca mata.

TAWAU: Taktik seorang suspek menyembunyikan bahan ketulan hablur jernih yang disyaki dadah jenis syabu dalam bekas kaca mata berjaya dikesan sepasukan polis.

Barang mencurigakan terbabit dirampas hasil serbuan di tingkat bawah sebuah rumah tidak bernombor di Kg Batu 2 Jalan Apas di sini, kira-kira jam 2 petang Selasa.

Ketua Polis Daerah Tawau ACP Fadil Marsus berkata pasukannya turut menangkap seorang lelaki, 41, di salah sebuah bilik rumah berkenaan semasa operasi dijalankan.

“Tidak ada barang mencurigakan ditemukan semasa pemeriksaan tubuh dijalankan terhadap suspek, sebelum sebuah bekas menyimpan kaca mata warna putih ditemukan.



SUSPEK

“Pemeriksaan kita mendapati terdapat enam paket lutsinar kecil berlainan saiz berisi bahan ketulan hablur jernih disyaki syabu di dalam bekas berkenaan,” katanya.

Fadil berkata suspek dan barang rampasan kemudiannya dibawa ke IPD Tawau untuk tindakan susulan dan hasil semakan mendapati barang kes seberat 5.2 gram.

Menurutnya, penahanan terhadap suspek dan barang kes dilakukan mengikut Seksyen 39A (1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Seskyen 15 (1) (a) akta yang sama.

oleh AMIR ANUAR

Kategory Sabah

